



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

Offspring menawarkan faedah menarik kepada ahli kad Maybank

Sorotan Utama:

- Kerjasama terkini termasuk diskaun dan penghantaran percuma untuk ahli kad kredit Maybank
- Memperluaskan moto "*Little Things Matter*" yang mengutamakan keselamatan bayi dan kesejahteraan alam sekitar ke arah meningkatkan keselesaan dan kemudahan untuk pelanggan

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 10 2022 - Produk Offspring akan menjadi lebih mudah diakses pada harga menarik kepada ahli kad kredit Maybank.

Ini berikutan kerjasama di antara Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring"), cabang 'Sustainable Healthcare' SEDANIA Innovator Berhad, dengan Malaysian Banking Berhad ("Maybank") baru-baru ini.

"Offspring sebahagian besarnya didorong oleh keazaman untuk menyediakan produk berkualiti tinggi dan kemudahan terbaik untuk semua pelanggan sambil memenuhi misi teras kami untuk meningkatkan kehidupan secara lestari. Strategi jalinan kerjasama dengan institusi kewangan terkemuka dapat memenuhi matlamat kami kerana dengan adanya elemen diskaun berfaedah yang ditawarkan, ia dapat menarik perhatian ibu bapa ke arah memilih jenama yang mengutamakan keselamatan kanak-kanak serta menyumbang kepada inisiatif alam sekitar secara nyata," kata Ketua Pegawai Eksekutif Offspring Mohamed Roslan Ismail.

"Kerjasama dengan salah satu institusi kewangan terbesar di Malaysia membolehkan produk mesra alam dan selamat kami untuk dipasarkan kepada sebahagian besar demografi ibu bapa dan bayi pada tawaran yang menarik kepada ahli-ahli kad kredit Maybank. Kerjasama ini membolehkan kami mengembangkan nilai manfaat Offspring yang mengutamakan keselamatan kanak-kanak dan mengurangkan jejak karbon," tambah Roslan.

Kerjasama ini bertujuan untuk menawarkan diskaun dan keistimewaan eksklusif kepada ahli-ahli kad kredit Maybank apabila mereka membuat pembayaran untuk produk-produk di kedai web Offspring.



Diskaun 15% ditawarkan kepada ahli kad kredit Maybank untuk pembelian pertama produk Offspring dengan nilai minimum RM50.

Bagi pembelian berikutnya, mereka layak menerima diskaun 10% untuk produk Offspring yang bernilai RM300 dan lebih. Selain itu, ahli kad kredit Maybank akan mendapat penghantaran percuma dalam Malaysia untuk pembelian produk Offspring bernilai RM180 dan ke atas.

Offspring merupakan jenama produk bayi organik dan mesra alam premium yang paling pesat berkembang, dengan kini lebih 170 SKU dijual di kedai runcit terpilih serta platform e-dagang termasuk Shopee, Lazada dan GrabMart di Asia Tenggara, Amazon di Amerika Syarikat dan Wildberries di Rusia.

Pengguna menyukai rangkaian produk Offspring yang selamat, anti-toksik, organik dan yang memperolehi perakuan antarabangsa seperti lampin ultra-nipis, lampin fesyen tanpa klorin, tisu basah terbiodegradasi sepenuhnya, produk keperluan isi rumah serta pelbagai keperluan penjagaan bayi yang mesra alam.

Semua produk Offspring menggunakan bahan-bahan yang tidak berbahaya kepada alam sekitar, dengan penggunaan produk tersebut membolehkan kelestarian di samping membantu pengguna memainkan peranan dalam mengurangi pelepasan karbon.

- Tamat -

Mengenai Offspring Inc Sdn Bhd

Offspring adalah jenama produk bayi organik premium dan paling pesat berkembang, dengan kini lebih 170 SKU tersedia di 23 negara merangkumi Amerika Syarikat, Eropah, Asia Tenggara dan juga Afrika melalui saluran jualan dalam talian dan kedai runcit terpilih.

Konsumer suka rangkaian produk penjagaan kesihatannya yang lestari seperti lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi, barangan keperluan penjagaan bayi, dan produk isi rumah yang menggunakan bahan berasaskan tumbuhan, organik serta tidak bertoksik. Memandangkan semua produk ini dihasilkan menggunakan bahan yang tidak berbahaya kepada alam sekitar, penggunaan produk-produk tersebut membolehkan kelestarian dengan membantu konsumer memainkan peranan dalam mengurangkan pelepasan karbon.



Selain produknya mesra alam dan berasaskan organik yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga selamat dan lestari seperti yang dibuktikan oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya. Ini termasuk EcoCert, bebas alahan Australia, sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak bertoksik.

Log masuk ke www.offspringinc.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk penjagaan kesihatan mesra alam kami.

Mengenai SEDANIA Innovator Berhad

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaaraiannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

SEDANIA melabur dalam kelestarian tenaga masa depan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 23 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620
E-mel: media@sedaniainnovator.com

atau

Darryl Louis De Souza
Tel: 03-7880 2001 / +6017 2407 881
E-mel: media@sedaniainnovator.com